

# TUMPANG GEMBIRA PESAKIT BAHAGIA

■ Meskipun bantu ramai bina keluarga, Dr Rafi akur sukar dapat zuriat sendiri

## KARISMA

Hafiz Ithnin  
hafizithnin@mediaprima.com.my

"Kami berumah tangga pada 1995 dan apabila perkahwinan berusia 18 tahun, barulah kami dikurniakan cahaya mata, sedangkan kami berdua adalah pakar perbidanan dan sakit puan yang banyak membantu pasangan lain mendapatkan zuriat. Perasaan sedih memang ada tetapi kita jangan berputus asa," katanya.

Tidak sekadar itu, pemilik hospital pakar sakit puan ini menjelaskan, dia juga tidak tahu bagaimana untuk menerangkan kepada pesakit ketika itu



DETIK paling bermakna apabila dapat menimang cahaya mata sendiri.

sekitarnya mereka bertanya, "Doktor sudah ada berapa anak?"

Namun, itulah antara cabaran yang harus dia dan isteri hadapi sepanjang bergelar pakar perbidanan dan sakit puan yang sinonim dengan kesuburan dan mendapatkan zuriat.

Pemilik dan Pengarah Perubatan Hospital Umra, Datuk Dr Mohamed Rafi Mohamed Feizal menjelaskan, dia membuka hospital berkenaan pada 2006 bersama isteri, Datin Dr Ummul Wahiy Abdul Hakim.

Beliau berkata, keluarganya mempunyai latar belakang dalam bidang perubatan iaitu ayahnya, Datuk Dr Mohammed Feizal Abdullah adalah doktor perubatan dan ibunya, Datin Nashir Bee N. Mohamed pula jururawat.

"Saya dilahirkan dan membesar di Kuala Lumpur, kemudian melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di Universiti Manipal di India dari 1987 hingga 1992. Kemudian, menjadi pakar dalam perbidanan dan sakit puan pada 2002.

"Sememangnya bekerja dalam bidang perbidanan dan sakit puan memberi cabaran kerana saya lelaki. Namun, perkara itu tidak menghalang saya berjaya dalam bidang ini," katanya yang pernah berkhidmat di sebuah hospital di United Kingdom sebelum bergelar doktor pakar.

Dr Rafi berkata, perkara yang paling mencabar emosinya dalam tempoh lebih 20 tahun menjadi pakar dalam bidang itu sudah tentu kisah dia dan isteri sukar mendapat zuriat.

Jelasnya, apatah lagi ketika itu dia sudah memiliki hospital khusus dalam bidang kesuburan dan kadangkala terfikir, mungkin pesakit juga berasa sangsi dengan kemampuan hospitalnya untuk memberikan rawatan.

"Bukan saja sejauh mana kepercayaan pesakit yang saya fikirkan, malah dalam kalangan kakitangan sendiri apabila mereka tertanyanya, mengapa masih belum ada anak? Ia sudah pasti memberi sedikit tekanan terhadap kami berdua disebabkan profesion saya dan isteri adalah dalam bidang berkenaan.

"Sebagai manusia kita boleh merancang dan berusaha dalam pelbagai perkara termasuk hal membabitkan zuriat. Meskipun saya dan isteri pakar dalam bidang perubatan ini, ketentuan tuhan mengatasi segala-galanya.

"Disebabkan itu, saya sangat memahami perasaan pasangan yang sukar mendapatkan zuriat dan cuba sedaya upaya untuk memastikan mereka berjaya untuk hamil. Pada masa sama, mereka tidak boleh berputus asa," katanya.

Selepas menjalani rawatan

## PROFIL

**NAMA:** Datuk Dr Mohamed Rafi Mohamed Feizal

**USIA:** 51 tahun

**PENDIDIKAN:**

- Victoria Institution
- Universiti Mangalore, India (Ijazah Sarjana Muda Perubatan)

- Fellow Akademi Pendidikan Awam, Manipal, India

- Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Perbidanan dan Sakit Puan)

- Fellow Royal Society of Preventive Health, United Kingdom

- Diploma in Aesthetic Medicine, Amerika Syarikat

- Fellow International College of Surgeons, Amerika Syarikat-Akademi Perubatan, Malaysia.

**JAWATAN:** Pengasas, pengarah perubatan, pakar perunding perbidanan & sakit puan, pengamal estetik di Hospital Umra

**ISTERI:** Datin Dr Ummul Wahiy Abdul Hakim

**ANAK:** Noor Mohamed Umar Mohamed Rafi

**IBU BAPA:** Datuk Dr Mohamed Feizal Abdullah dan Datin Nashir Bee N. Mohamed



DR Rafi beramah mesra dengan keluarga yang baru mendapat cahaya mata di Hospital Umra.



ZAMAN muda Dr Rafi banyak dihabiskan di luar negara dalam usaha menimba pengalaman dalam bidang perubatan.

persenyawaan in-vitro (IVF), akhirnya enam tahun lalu beliau dan isteri dikurniakan seorang cahaya mata lelaki yang diberi nama Noor Mohamed Umar Mohamed Rafi. Nama Umar diambil sempena susunan semula nama hospitalnya, Umra iaitu gabungan nama mereka suami isteri.

Menceritakan kembali kisah kali pertama dia merawat pesakit 20 tahun lalu, Dr Rafi berkata, ketika itu dia ditempatkan di sebuah hospital pedalaman di Kerala, India dan berdepan dengan seorang pesakit wanita yang sudah hampir tiba waktu untuk melahirkan anak.

Bagaimanapun, wanita itu tidak mahu dia menjadi bidan bahkan sanggup cuba bertahan daripada bersalin. Namun, disebabkan wanita itu tidak dapat menahan sakit, dia membuka semua pakaian, melompat ke atas katil dan

akhirnya, bersalin sendiri. "Keadaan ketika itu kelam-kabut memandangkan wanita berkenaan tinggal di kawasan pedalaman dan saya sahaja doktor yang boleh membantunya untuk bersalin.

"Selepas dia selamat bersalin, keesokan paginya saya berjumpa wanita itu dan berkata, 'Awak sungguh malu untuk dirawat doktor lelaki tetapi apabila sudah terlalu sakit, habis dibuka semua baju! Wanita itu ketawa apabila mengingati kisah berkenaan. Bagaimanapun, kita perlu lakukan kerja ini dengan profesional kerana perlu tahu saya adalah doktor.

"Namun, pada hari ini di Hospital Umra, sekiranya kes yang boleh dikendalikan doktor wanita, saya menyerahkan tugas itu kepada mereka. Melainkan jika kes serius seperti pendarahan teruk atau

membabitkan nyawa anak dan ibu, saya perlu masuk campur," katanya. Sehingga kini, Hospital Umra sudah menyambut lebih 20,000 bayi sejak beroperasi pada 2006 dengan purata 1,500 kelahiran setahun. Ditanya mengenai kisah beliau membuka hospital itu, Dr Rafi berkata, selepas mendapat kelulusan kepakaran dalam bidang perubatan itu pada 2002, dia dan isteri berkhidmat di pelbagai hospital swasta.

"Satu atau dua tahun sebelum hospital ini dibuka, saya dan isteri berkhidmat di hospital berlainan. Pernah juga, kami sangat sibuk kerana ada ketika saya perlu ke lima hospital swasta berlainan dalam sehari.

"Dalam sehari itu pelbagai kes yang saya hadapi seperti bersalin, keguguran dan macam-macam lagi kes yang berbeza. Maka, saya cakap

dengan isteri keadaan itu tidak boleh berpanjangan dan kami ambil keputusan untuk membuka hospital ini," katanya.

Dr Rafi berkata, dia tidak menyesal mempunyai hospital sendiri walaupun sentiasa sibuk melayan pesakit dan ada kalanya terlalu sedikit masa untuk keluarga. Namun kegembiraan pesakit yang tersenyau mendapat cahaya mata memberikan kepuasan tersendiri.

"Saya juga tidak menyesal memilih bidang ini kerana dapat membantu pasangan mendapatkan anak dan ini adalah anugerah yang sukar diucapkan," katanya yang mengetahui hampir 100 kakitangan dalam perubatan dan pengurusan.

Rafi berkata, dia tidak bercadang untuk mempunyai cawangan lain kerana ingin menumpukan sepenuh perhatian terhadap pelanggan sedia ada bagi menjaga kualiti perkhidmatan.

## Berpantang nasi beriani

1. Makanan kegemaran? Nasi beriani tetapi saya sedang diet dan perlu melupakannya buat seketika.

2. Hobi? Tiada kerana terlalu sibuk di hospital. Namun ketika muda, saya suka bermain pingpong dan catur.

3. Buku kegemaran? Novel Kane & Abel

4. Muzik diminati? Muzik era 1980-an.

5. Filem kegemaran? Bohemian Rhapsody dan baru-baru ini, Dilwale.

6. Kereta pertama? Proton Satria

7. Destinasi percutian kegemaran? United Kingdom dan India



PELBAGAI kejayaan diraih bersama keluarga tersayang.



BERJAYA dalam bidang akademik hasil sokongan keluarga yang terbabit dalam bidang perubatan.



KAKITANGAN Hospital Umra diraikan pada sambutan Hari Jururawat.